

Hubungan penguasaan jawi dan kurikulum dengan proses pengajaran dalam kalangan guru sekolah rendah di negara Brunei Darussalam

ABSTRACT

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk melihat hubungan antara penguasaan jawi dan kurikulumnya dengan proses pengajaran guru di sekolah-sekolah rendah di negara Brunei Darussalam. Subjek kajian terdiri daripada 150 orang guru yang mengajar mata pelajaran Jawi di sekolah-sekolah terpilih dengan menggunakan persampelan berstrata dan rawak mudah di seluruh negara. Instrumen kajian terdiri daripada set ujian tulisan jawi untuk mengukur penguasaan jawi guru dan juga soal selidik bagi mengenal pasti penguasaan kurikulum dan proses pengajaran guru di dalam bilik darjah. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi (Korelasi Pearson) bagi menguji hipotesis-hipotesis kajian. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara variabel-variabel bebas dengan variabel bersandar kajian iaitu $r = 0.228$ (penguasaan jawi) dan $r = 0.573$ (penguasaan kurikulum). Secara umumnya kajian juga menunjukkan skor markah atau skor min bagi kesemua variabel kajian adalah pada tahap yang memuaskan. Diharapkan kajian ini dapat memberikan input berguna kepada penambahbaikan mata pelajaran jawi.